

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID**  
**[ PADANG TERAP ]**

**SOALAN**

**DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [ PADANG TERAP ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kewajaran pihak Kerajaan melantik Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada kalangan ahli politik dan sejauh manakah keyakinan bahawa pelantikan terbabit tidak akan mengakibatkan berlakunya unsur bias dan konflik berkepentingan.

**JAWAPAN:**      **YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 5 Akta SPRM 2009 yang menyatakan secara jelas bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik Ketua Pesuruhjaya SPRM di atas nasihat Perdana Menteri. Untuk itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan Puan Latheefa Koya sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi tempoh dua tahun iaitu mulai 1 Jun 2019 sehingga 31 Mei 2021. Majlis mengangkat sumpah pelantikan tersebut juga telah diadakan di Istana Negara pada 25 Jun 2019 yang lalu.

2. Berkenaan dengan pemilihan beliau sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, Kerajaan yakin segala tindakan dan keputusan yang dibuat oleh beliau sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah berdasarkan kepada merit dan keterangan-keterangan yang diperolehi SPRM, bukan atas arahan mana-mana pihak. Tugas beliau jelas iaitu untuk membanteras rasuah di mana-mana saja. Dengan sokongan dan dokongan pegawai-pegawaiannya, Kerajaan percaya Ketua Pesuruhjaya yang baharu bersama SPRM dapat mengubah Malaysia menjadi negara yang bersih dan bebas dari rasuah.

Sekian, terima kasih.